

**BAB 1 PENGENALAN**  
**PELAKSANAAN ETIKA KERJA ISLAM: KAJIAN KES DI**  
**JOHOR CORPORATION.**

**1.0 PENDAHULUAN**

Etika merupakan satu perkara yang penting dalam pentadbiran organisasi. Kecemerlangan dan kemajuan organisasi terletak kepada warga kerja yang berada di dalam sesebuah organisasi dengan kesedaran mereka terhadap etika serta sahsiah yang baik. Nilai-nilai murni tersebut adalah perlu bagi mengelakkan daripada berlakunya kejadian atau gejala buruk serta kemunduran dalam pentadbiran seperti pecah amanah, rasuah, penyelewengan harta, penipuan, kelembapan pentadbiran, kelemahan produktiviti dalam perkhidmatan dan sebagainya.<sup>1</sup> Organisasi yang beretika adalah organisasi yang mempunyai nilai-nilai dan etika yang kukuh, menghidupkan etika-etika tersebut serta mengamalkannya sama ada di dalam ataupun apabila berhubung dengan organisasi luar yang berkepentingan.<sup>2</sup>

Sejarah telah membuktikan dengan etika yang tinggi sesebuah bangsa itu dapat berdiri dengan teguh. Tetapi apabila perkara ini dipandang ringan, kestabilan organisasi akan tergugat seterusnya mampu untuk meruntuhkan organisasi malah negara. Hal ini terjadi semasa zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah di mana kejatuhan pentadbirannya disebabkan oleh para pemimpin yang memegang amanah tidak mempunyai integriti, menggunakan harta kekayaan negara untuk kepentingan diri sendiri, serta pentingkan semangat assabiyyah dalam kalangan masyarakat dan dalam pemerintahan negara.

---

<sup>1</sup> Sharifah Hayaati Ismail, *Etika Penjawat Awam Di Malaysia: Suatu Huraian Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008), 37-40.

<sup>2</sup> Deon Rossouw et al., *Business Ethic* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd, 2011), 180.

Perkara ini turut menjangkiti pemerintahan Abbasiyyah dan Andalus. Kelemahan dalam pengurusan organisasi dan pentadbiran menyumbang kepada kejatuhan pemerintahan ini. Dengan faktor-faktor luar turut menyumbang kepada kejatuhan seperti ancaman daripada masyarakat luar dan Barat yang mula bangkit dari zaman gelap mula menceroboh dan memusnahkan kerajaan tersebut dari luar.<sup>3</sup>

Kejatuhan kerajaan-kerajaan tersebut menunjukkan betapa pentingnya penerapan etika kerja Islam yang berkesan dalam pentadbiran organisasi. Tanpa pelaksanaan yang sebaiknya sesebuah organisasi akan jatuh dan tidak mampu untuk berkembang dengan stabil seterusnya mengakibatkan kerugian kepada institusi tersebut.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Persoalan nilai dan etika selalu disamaertikan dalam perbincangan disebabkan wujudnya pertalian yang rapat dalam pemahaman atau penggunaan kedua-dua maksud tersebut. Walaupun nilai dan etika mempunyai pertalian yang rapat dalam istilahnya, tetapi kedua-duanya tetap mempunyai perbezaan terutama dalam konteks maksud dan prinsip-prinsip. Pada hakikatnya elemen nilai ini wujud dahulu daripada elemen etika. Ini kerana dari segi maksud nilai menjurus kepada kepercayaan yang mendorong seseorang atau organisasi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Manakala etika pula bermaksud tanggungjawab atau akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat. Dengan ini jelaslah bahawa elemen etika adalah terhasil daripada wujudnya elemen nilai dalam diri individu sehingga memaksa individu menurut dorongan yang dibawa oleh nilai tersebut.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Mahayudin Yahaya, *Tamadun Islam*. (Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2006), 147-170.

<sup>4</sup> Hayaati, "Etika Penjawat Awam Di Malaysia," 3-13.

Berbeza dengan pentadbiran awam, pengurusan badan-badan korporat dan organisasi swasta tidak terikat secara langsung dengan dasar-dasar yang diamalkan oleh pihak kerajaan dalam penerapan etika Islam dalam pentadbiran awam. Antara dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan ialah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran ke arah menghidupkan kesedaran tentang nilai dan etika kerja Islam dalam pentadbiran dan kakitangan awam di Malaysia pada tahun 2000. Penulis ingin mengkaji bagaimana etika kerja Islam dilaksanakan dalam pentadbiran Johor Corporation (JCorp) sehingga mereka mampu berdiri sebagai satu entiti yang kukuh dalam bidang pentadbiran, pembangunan sosial, perniagaan serta keusahawanan bumiputera dan Islam.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kebelakangan ini persoalan etika telah menjadi satu perkara yang penting baik dalam bidang akademik mahupun dalam pengurusan. Kajian ini adalah berdasarkan kepada amalan berkaitan pelaksanaan etika kerja Islam dalam pentadbiran dari segi pelaksanaan, faktor dan cabaran serta faedahnya ke arah pembentukan etika kerja yang berkualiti. Pelaksanaan etika kerja bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan tanpa wujudnya kesedaran dalam diri setiap individu dan pemantauan yang konsisten dari pihak pengurusan. Terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh sesebuah organisasi sebelum mereka mampu untuk melaksanakan amalan etika kerja Islam secara menyeluruh dan berkesan.

Antara permasalahan kajian yang dapat dikenal pasti sebelum pengkaji melaksanakan kajian ini ialah telah banyak nilai dan etika kerja diamalkan dan dilaksanakan dalam pentadbiran organisasi di Malaysia namun, masih lagi terdapat kelemahan dan kritikan yang diterima dari pihak pelanggan dan pihak berkepentingan (*stakeholder*) seperti pihak

kerajaan, masyarakat umum, badan kehakiman, majlis kerajaan tempatan dan sebagainya. Menurut statistik daripada Biro Pengaduan Awam, sebanyak 6,767 aduan telah diterima sepanjang Januari hingga Jun 2012. Ini merupakan satu angka yang besar dan perlu dipandang serius oleh pihak-pihak yang berkaitan.<sup>5</sup>

Walaupun nilai dan etika kerja telah banyak dilaksanakan di kebanyakan jabatan-jabatan kerajaan di Malaysia, tetapi masih kurang pelaksanaannya di dalam organisasi swasta atau badan-badan korporat dan juga terdapat banyak kelemahan yang perlu diperbaiki berasaskan kepada penerapan nilai dan etika kerja Islam yang telah sedia ada. Hal ini seterusnya memerlukan pengurusan membina sebuah rangka kerja (*framework*) yang sistematik dan sesuai untuk organisasi. Proses pemantauan dan kurangnya fokus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memberikan perhatian kepada badan berkanun atau korporat menyebabkan pelaksanaan etika kerja dipandang ringan.

Terdapat pelbagai isu yang melibatkan amalan tidak beretika individu-individu berpengaruh dan para penjawat awam yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, rasuah, pecah amanah dan sebagainya. Antara laporan yang dimuatkan di dalam akhbar di Malaysia termasuklah:

*KUALA LUMPUR 27 Jan. - Dua individu termasuk seorang bekas setiausaha politik bergelar Datuk ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penyelewengan dana lebih RM1.1 juta melibatkan tiga yaysan hari ini.*

*Seorang lagi yang ditahan itu merupakan pengarah yayasan yang diketuai bekas setiausaha politik terbabit.<sup>6</sup>*

---

<sup>5</sup> Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, <http://www.pcb.gov.my/STATISTIK/2012/Jun/Laman%20Web%20Statistik%20Aduan%20Tahun%20%20Jun%202012%20BM.pdf> diakses pada 1 Ogos 2012.

<sup>6</sup> Utusan Malaysia Online [http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140128/je\\_04/Bekas-Setiausaha-Politik,-Pengarah-Yayasan-ditahan#ixzz2sWkflmc6](http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140128/je_04/Bekas-Setiausaha-Politik,-Pengarah-Yayasan-ditahan#ixzz2sWkflmc6) diakses pada 6 Februari 2014.

*ALOR SETAR 8 Jan. - Seorang kakitangan Jabatan Laut di Langkawi dekat sini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini atas kesalahan mengemukakan dokumen tuntutan perpindahan palsu bernilai RM1,900 tiga tahun lalu.<sup>7</sup>*

*KUALA LUMPUR: A senior manager from Petronas was charged in a Sessions Court on Friday with three counts of corruption involving at least RM23,000.*

*Ishak Hashim, 47, claimed trial to two charges of agreeing to receive bribes from Erision Chem Sdn Bhd, and one charge of attempting to take bribes from the same company as incentives for supplying it with natural gas liquid.<sup>8</sup>*

Keberkesanan penerapan nilai dan etika kerja Islam telah mengakibatkan kurangnya masalah kepada amalan pentadbiran iaitu menurunnya masalah seperti ketidaktelusan, pengabaian pekerja, penyalahgunaan kuasa, kurang integriti dan juga dapat mengelakkan berlakunya gejala sosial.<sup>9</sup> Ini membawa kepada penerapan nilai dan etika kerja yang tidak mengasingkan nilai-nilai dan etika asas dalam Islam antaranya, adil amanah, jujur, ihsan dan sebagainya dalam amalan atau pelaksanaan pentadbirannya.

Etika Kerja Islam (*Islamic Work Ethic(IWE)*) merupakan satu bidang pentadbiran Islam yang telah lama wujud tetapi masih kurang dikaji dan tidak banyak pelaksanaannya berbanding dengan Etika Kerja Protestan (*Protestan Work Ethic(PWE)*) yang telah lama bertapak dan banyak diamalkan oleh masyarakat barat. Teori PWE ini dikembangkan oleh Max Weber dan masih digunakan hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun IWE mampu untuk dikembangkan dan dilaksanakan dengan wujudnya kajian yang mendalam berkaitan pengimplimentasiannya dalam masyarakat.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup> Utusan Malaysia Online [http://www.utusan.com.my/utusan/Utara/20140109/wu\\_04/SPRM-tahan-penjawat-awam-palsukan-dokumen#ixzz2sWm02rMk](http://www.utusan.com.my/utusan/Utara/20140109/wu_04/SPRM-tahan-penjawat-awam-palsukan-dokumen#ixzz2sWm02rMk) diakses pada 6 Februari 2014.

<sup>8</sup> The Star Online <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2013/07/05/Courts-Crime-Petronas-Corruption/> diakses pada 6 Februari 2014.

<sup>9</sup> Mohd Nazim bin Latif, *Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam: Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*. (Kuala Lumpur: Disertasi, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 189.

<sup>10</sup> Abbas Ali, "Scaling on Islamic Work Ethic," *Journal Of Social Psychology* 128, 5 (1987), 575.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian dibentuk bagi membantu penyelidik dalam membangunkan objektif-objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Persoalan kajian ini diterangkan dalam jadual 1.1 bagi memudahkan kefahaman pembaca.

Jadual 1.1 Persoalan Kajian Amalan Etika Kerja Islam di JCorp.

| Bil. | Objektif kajian  | Persoalan kajian  |
|------|--|---|
| 1.   | Menerangkan konsep etika kerja menurut perspektif Islam.                                       | Apakah konsep etika kerja menurut perspektif Islam?                                 |
| 2.   | Mengkaji strategi pelaksanaan etika kerja Islam yang dilaksanakan oleh JCorp.                  | Apakah strategi pelaksanaan etika kerja Islam yang dilaksanakan oleh JCorp?         |
| 3.   | Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp.          | Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp?      |
| 4.   | Mengkaji kesan faktor-faktor yang mempengaruhi ke atas pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp. | Bagaimanakah faktor-faktor itu mempengaruhi pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp? |
| 5.   | Mengkaji cabaran dalam melaksanakan amalan etika kerja Islam di JCorp.                         | Apakah cabaran dalam melaksanakan amalan etika kerja Islam di JCorp?                |

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif adalah penting dalam sesuatu kajian. Oleh itu penulis meletakkan beberapa objektif agar kajian ini mencapai maksud dan matlamat yang dikehendaki serta menghasilkan satu kajian yang boleh mendatangkan manfaat kepada pembaca.<sup>11</sup> Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Menerangkan konsep etika kerja menurut perspektif Islam.
2. Mengkaji strategi pelaksanaan etika kerja Islam yang dilaksanakan oleh JCorp.
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp.
4. Mengenalpasti faedah-faedah pelaksanaan etika kerja Islam di JCorp.
5. Mengkaji cabaran dalam melaksanakan amalan etika kerja Islam di JCorp.

## **1.5 DEFINISI TAJUK**

Tajuk kajian ini ialah kajian kes pelaksanaan amalan etika kerja Islam di Johor Corporation (JCorp). Kajian kes merupakan kaedah yang digunakan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ini. Kajian kes melibatkan pengkaji hadir ke JCorp di mana pengkaji dapat melihat dan merasai sendiri pelaksanaan amalan etika kerja Islam agar dapat menyiapkan sebuah laporan yang berkualiti dan tepat. Perkataan pelaksanaan pula berasal dari kata dasar laksana iaitu hasil daripada melaksanakan sama ada mengerjakan atau

---

<sup>11</sup>Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. (Selangor: Kamil & Syakir Sdn. Bhd, 2009), 117.

menyelesaikan sesuatu rancangan atau tugas.<sup>12</sup> Pelaksanaan ini merangkumi strategi, faktor yang mendorong, cabaran serta faedah terhadap organisasi.

Etika pula merupakan nilai-nilai baik yang menjadi pegangan sekumpulan manusia. Kerja pula bermakna melakukan atau menjalankan sesuatu atau berbagai-bagai kegiatan.<sup>13</sup> Etika kerja pula merupakan satu istilah yang boleh difahami sebagai undang-undang atau peraturan yang ditetapkan oleh organisasi dalam mengawal kelakuan serta tindakan anggota pekerja, bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan.<sup>14</sup> Pengertian ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bab 2. Setelah digabungkan kajian kes pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp dapat didefinisikan sebagai kajian yang dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan amalan nilai-nilai baik yang bertepatan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh organisasi JCorp.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pembangunan dan kejayaan sesebuah organisasi amat bergantung kepada keadaan warga kerja yang berada di dalam organisasi tersebut. Sekiranya semua warga kerja terdiri daripada mereka yang mempunyai etika kerja yang tinggi pastinya mereka akan menyumbang kepada sebuah persekitaran kerja yang kondusif serta dapat memberikan pulangan baik kepada kejayaan organisasi.

Penulis ingin mengkaji etika kerja yang diamalkan oleh JCorp dalam menguruskan pentadbirannya sehingga mampu untuk melahirkan ramai usahawan Melayu muslim yang berjaya. JCorp juga merupakan antara badan korporat yang banyak menyumbang kepada pembangunan sosial masyarakat Islam dengan mewakafkan tanah, klinik dan sumbangan

---

<sup>12</sup> *Kamus Dewan*, edisi ke-3, Cet. 5, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 871 entri “laksana”.

<sup>13</sup> *Kamus Dewan*, edisi ke-4, Cet. 5, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 762 entri “kerja”.

<sup>14</sup> Wan Norhasniah Wan Husin, “*Work Ethic From Islamic Perspective in Malaysia*,” *European Journal of Social Science* 29 (2012), 54.



lain bagi keperluan awam. Kajian ini diharapkan dapat mencari rahsia atau ramuan yang diamalkan oleh mereka dalam menguruskan organisasi ini sehingga mereka mampu mempunyai cawangan dalam segenap bidang perniagaan dengan memiliki cawangan dalam bidang perniagaan meliputi bisnis sawit (Kulim), Perkhidmatan Kesihatan Pakar (prisihatin) & kesihatan, makanan & perkhidmatan restoran segera, hartanah, khidmat sokongan dan perlaburan, hospitaliti, bisnis intrapeneur, minyak dan gas serta bisnis baru.<sup>15</sup>

Kebanyakan kajian lepas yang dilakukan adalah lebih fokus kepada aspek teori dan aspek pelaksanaan etika secara umum sahaja sedangkan penulis merancang untuk melakukan kajian secara mendalam berkaitan faktor yang mendorong dan cabaran kepada pelaksanaan etika kerja Islam. Kajian ini turut melihat faedah pelaksanaan etika kerja Islam terhadap pembangunan pekerja secara holistik seterusnya bagaimana ianya dapat mempengaruhi output organisasi di mana JCorp mampu menjadi sebagai sebuah badan korporat yang disegani di Malaysia.

Kajian-kajian lepas kebanyakannya dijalankan di agensi-agensi pentadbiran awam manakala kajian ini akan melihat kepada amalan etika kerja Islam dalam badan korporat di mana tidak banyak kajian dijalankan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak pentadbiran di dalam sektor awam mahupun swasta bagi menambahbaik pengurusan organisasi mereka terutamanya bagi organisasi yang majoritinya terdiri dari orang Islam. Pengurusan sektor swasta juga pastinya berbeza dengan pentadbiran awam di mana mereka tidak terikat secara langsung kepada dasar-dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan. Matlamat utama pengurusan swasta biasanya bermotifkan keuntungan dan memerlukan mereka untuk mempunyai garis panduan tersendiri dalam

---

<sup>15</sup> Laporan Tahunan Johor Corporation 2012, 9.

menguruskan pegawai dan kakitangannya dalam melaksanakan etika supaya ianya bertepatan dengan objektif organisasi.

Kajian ini diharap dapat memahami pelaksanaan amalan etika kerja Islam di JCorp bermula dengan strategi, faktor-faktor yang menggalakkan, langkah yang diambil dalam mengatasi cabaran dan faedahnya kepada organisasi tersebut. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan dalam menambah keberkesanan pelaksanaan amalan etika kerja Islam dalam organisasi awam dan swasta dengan mengambil strategi-strategi sedia ada dan mengaplikasikannya mengikut kesesuaian organisasi masing-masing.

## 1.7 KAJIAN LEPAS

Sebelum melakukan penyelidikan, pengetahuan asas mestilah dikumpulkan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai tajuk yang akan dikaji. Kajian-kajian lepas yang berkaitan mestilah disorot terlebih dahulu bagi memastikan kajian berada di atas landasan yang betul dan mengelakkannya dari terpesong. Sorotan literatur atau *literature review* didefinisikan sebagai “*critical analysis of a segment of a published body of knowledge through summary, classification, comparison of prior research studies, review of literature and theoretical articles*”.<sup>16</sup>

Berg (1998) menerangkan bahawa kajian literatur adalah penilaian yang terperinci terhadap bahan-bahan berkaitan dengan masalah yang akan dikaji.<sup>17</sup> Menurut Fink pula kajian lepas merupakan satu penelitian yang jelas untuk mengenali, menilai, dan menafsir hasil-hasil penulisan oleh pengkaji, pakar, dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan masalah yang akan dikaji.<sup>18</sup> Secara umumnya, sorotan literatur merupakan satu bahagian yang

---

<sup>16</sup> Duke University, [http://twp.duke.edu/uploads/assets/lit\\_review.pdf](http://twp.duke.edu/uploads/assets/lit_review.pdf) diakses pada 30 Julai 2012.

<sup>17</sup> Bruce L. Berg, *Qualitative Research Methods for Social Science* (Boston: Allyn and Bacon, 1998), 255.

<sup>18</sup> A. Fink, *Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet* (Sage: Thousand Oak, 1998), 3.

mengandungi rumusan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian dengan membuat analisa dan perbandingan secara ilmiah dan teoretikal.

Kajian literatur juga penting dalam memastikan penyelidik memiliki bahan-bahan seperti buku-buku ilmiah, jurnal, latihan ilmiah, disertasi, tesis, penerbitan yang berkaitan dan laman web yang berauthoriti. Bahan-bahan yang dipilih berkait rapat dengan kajian yang ingin dilakukan iaitu amalan etika kerja Islam dalam pentadbiran organisasi. Pengumpulan bahan-bahan ini menjadi rujukan utama penyelidik dalam menyediakan asas yang kukuh dalam menjalankan kajian dan mencari kekurangan yang boleh diperbaiki dalam kajian-kajian tersebut. Penulis akan menyenaraikan bahan-bahan yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini.

### **1.6.1 Buku Akademik**

Penulis merujuk kepada tulisan Beekun (1998) yang bertajuk *Etika Perniagaan Islam*.<sup>19</sup> Buku ini telah diterjemahkan dan membincangkan tentang etika perniagaan Islam dimana sebenarnya kita dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti perundangan, organisasi dan faktor individu. Buku ini turut membezakan nilai dan etika usahawan muslim berbanding dengan apa yang diamalkan oleh Barat yang mana Islam menjadikan keredhaan Ilahi sebagai matlamat utama bagi setiap usahawan. 5 prinsip yang di gariskan oleh beliau antaranya ialah:

1. Kesatuan.
2. Kesamaan.
3. Keinginan.
4. Tanggungjawab.

---

<sup>19</sup> Beekun, R.I. *Etika Perniagaan Islam*, terj. Zainab Abd Kadir (Petaling Jaya: International Institute Of Islamic Thought Malaysia, 1998).

## 5. Kemurahan hati.

Beliau turut memberikan garis panduan lain yang perlu ada dalam diri atau organisasi muslim seperti jujur, bertanggungjawab, menepati janji, merendah diri, mengamalkan musyawarah serta adil dalam setiap tindakan. Buku ini bagaimanapun hanya memfokuskan kepada etika di kalangan peniaga Islam, tetapi kajian penulis bertumpu kepada etika kerja Islam di kalangan pegawai pentadbiran di sebuah badan korporat.

Penulis turut merujuk kepada tulisan Profesor Abbas Ali (2005) "*Islamic Perspective on Management and Organization*"<sup>20</sup> di mana buku ini mengembangkan teori pengurusan menurut perspektif Islam. Antara bahagian yang berkaitan dengan kajian penulisan ini ialah bab "*Islamic Work Ethic and Value*" di mana beliau membicarakan berkaitan kepentingan etika kerja Islam dan teori-teori berkaitan seperti amalan Rasulullah s.a.w, asas-asas etika kerja Islam dan pandangan Islam terhadap etika kerja semasa. Buku ini turut menyelitikan skala yang digunakan dalam mengukur tahap pelaksanaan, penerimaan dan pengamalan etika kerja Islam di negara-negara Arab. Walau bagaimanapun tidak dinyatakan apakah punca atau faktor yang mendorong kepada etika kerja Islam dalam sesebuah organisasi itu. Penulis menggunakan soalan yang telah dibangunkan untuk dijadikan asas dalam melakukan kajian di JCorp.

Buku yang ditulis oleh Osman Ayub (1989) yang bertajuk "*Etika Kerja Dan Profesional Islam*".<sup>21</sup> Penulisan buku ini adalah bersifat teoretikal. Dalam penulisan buku ini, Osman Ayub membincangkan dan menjelaskan tentang konsep etika kerja dan profesionalisme Islam merangkumi rukun, objektif, metodologi dan halangan Penerapan Nilai Dan Etika Kerja Islam dalam rangka kerja organisasi. Penulisan buku ini juga menjelaskan berkaitan

---

<sup>20</sup> Abbas J. Ali, *Islamic Perspective on Management and Organization*. (United States of America: Edward Elgar, Northampton, MA, 2005).

<sup>21</sup> Osman Ayub, *Etika Kerja Dan Profesionalisme Islam*. (cet.ke-2, Kuala Lumpur: Frontier Enterprise, 1989).

penghayatan Islam terhadap individu, keluarga, tempat kerja dan organisasi. Walau bagaimanapun kajian penulis akan melihat kepada amalan sebenar etika kerja Islam di JCorp.

Buku daripada penerbitan akademi pengurusan, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) (2005) yang bertajuk "*Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*" turut dirujuk.<sup>22</sup> Buku ini membincangkan berkaitan dengan usaha dalam memperkenalkan ilmu pengurusan organisasi dari perspektif Islam melalui pelbagai pendekatan seperti konsep dan falsafah pengurusan Islam, etika kerja Islam, prinsip pengurusan Islam, pembangunan pengurusan sumber manusia, pengurusan strategik dan kualiti kecemerlangan. Buku ini juga memberi panduan ke arah budaya kerja cemerlang menggunakan pendekatan Tauhid dan nilai dan etika berasaskan Al-Quran dan Sunnah. Buku ini adalah sebagai panduan dan alternatif ke arah tadbir urus yang baik dalam pentadbiran berkaitan perkhidmatan dan pengeluaran produk. Buku ini menjadi panduan kepada penulis untuk memahami tasawwur Islam tentang pengurusan yang terdapat di dalam Al-Quran.

*Business Ethics* merupakan sebuah buku yang menggabungkan beberapa penulis iaitu Deon Rossoum, Leon Van Vuuren, Abdullah Ghani dan Mohamad Zainol Abidin Adam (2011). Buku ini memberikan penerangan yang komprehensif terhadap etika dalam pengurusan perniagaan dan menumpukan terhadap keadaan pengurusan etika di Malaysia.<sup>23</sup> Buku ini terbahagi kepada enam bahagian utama iaitu pengenalan kepada etika, kaitan etika dalam perniagaan dan sebaliknya, etika dalam pembuatan keputusan, etika dalam perniagaan dan pengurusan etika. Buku ini membincangkan bagaimana untuk membangunkan kaedah

---

<sup>22</sup> Panel Akademi Pengurusan Yapeim, *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*. (Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan Yapeim Sdn Bhd, 2005).

<sup>23</sup> Dean Rossouw et al., *Business Ethics*. (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011).

yang boleh membantu dalam membentuk etika kerja yang cemerlang. Contoh-contoh yang diberikan adalah bersifat semasa dan lebih dekat dengan budaya yang diamalkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, buku ini tidak memberikan tumpuan yang mendalam sebaliknya hanya memberikan contoh-contoh berkaitan serta tidak ada penerangan khusus berkaitan etika kerja Islam.

Mustafa Daud (1996) di dalam bukunya *Etika Pengurusan* membincangkan segenap sudut mengenai keperluan etika serta memainkan peranan penting dalam pengurusan.<sup>24</sup> Beliau memberikan penerangan berkaitan etika dari perspektif sejarah dan semasa. Turut dimuatkan dalam buku ini ialah berkaitan pengurusan etika di sektor awam dan perbezaannya dengan sektor swasta. Buku ini mempunyai bab-bab khusus yang membincangkan etika perkhidmatan awam, pengurusan perniagaan, pengurusan bank, pengurusan perakaunan, pengurusan perubatan, pengurusan teknologi maklumat, kewartawanan dan pengurusan Islam. Buku ini bagaimanapun hanya membincangkan secara umum mengenai etika-etika yang perlu dalam setiap pengurusan tersebut. Hal ini berbeza dengan penulis yang akan hanya menumpukan kepada satu etika sahaja iaitu etika kerja dalam pentadbiran organisasi.

Penulis turut merujuk kepada buku *Etika Perniagaan: Pendekatan Perspektif Islam* tulisan Muhammad Nasri Hussain dan Muhammad Ahmad.<sup>25</sup> Buku ini memberikan penerangan yang komprehensif berkenaan dengan etika dan kaitannya dalam segenap bidang pengurusan dan perniagaan. Penulis buku ini turut menyentuh mengenai konsep etika di dalam ekonomi, pengeluaran, pengguna, pemasaran, pengurusan sumber manusia dan wanita dalam pekerjaan. Setiap aspek yang dibawa dibincangkan dengan baik dan teratur

---

<sup>24</sup> Mustafa Daud, *Etika Pengurusan*. (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, 1996).

<sup>25</sup> Muhammad Nasri Hussain, Muhammad Ahmad, *Etika Perniagaan: Pendekatan Perspektif Islam*. (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006).

serta menyentuh pandangan Islam dalam perkara-perkara terbabit. Buku ini merupakan sebuah tulisan yang berkonsepkan kajian perpustakaan dan kurang melihat dari aspek dunia sebenar. Kekurangan ini diharapkan boleh di atasi semasa penulisan disertasi ini nanti.

### **1.6.2 Artikel Jurnal**

Penulis merujuk kepada artikel Siti Arni Basir, Bharuddin Che PA, Raja Hishamudin Raja Sulong(2008) yang bertajuk *Prinsip-prinsip Kualiti Ke Arah Melahirkan Usahawan Muslim yang Berjaya*<sup>26</sup>. Artikel ini menyentuh dengan teliti berkaitan etika dan sikap yang perlu ada pada seorang usahawan Muslim untuk berjaya. Penulisan ini turut menyentuh berkaitan dengan teori-teori tentang tingkahlaku manusia dalam menguruskan perniagaan. Seterusnya etika-etika ini dikaitkan dengan agama sepertimana yang dikemukakan oleh Weber dengan konsepnya dikenali sebagai “*development ethnic and the spirit of religion*”. Artikel ini turut menyentuh tentang pandangan Islam terhadap kualiti dan kepentingan kualiti kepada usahawan Islam. Turut diterangkan adalah berkaitan dengan prinsip-prinsip yang mesti ada dalam diri usahawan bagi melahirkan usahawan Muslim yang berkualiti. Walau bagaimanapun, artikel ini bersifat teoritikal dan tidak dilakukan kajian secara terperinci di tempat atau organisasi tertentu. Pengkaji akan membawa teori dan prinsip ini untuk kajian di JCorp nanti.

Artikel tulisan Samir Ahmad (2009) *Business Ethics in Islam: The Glaring Gap in Practice* pula membincangkan tentang etika perniagaan dari perspektif Islam.<sup>27</sup> Analisis yang dilakukan adalah berkaitan dengan penemuan dan perbincangan serta perbandingan etika kerja Islam dan agama lain. Walau bagaimanapun, skop kajian ini adalah lebih fokus

---

<sup>26</sup> Siti Arni Basir, Bharuddin Che PA, Raja Hishamudin Raja Sulong, “*Prinsip-prinsip Kualiti dalam Ke arah Melahirkan Usahawan Muslim yang Berjaya*,” Jurnal Syariah 17 (2008), 327-352.

<sup>27</sup> Abuznaid, Samir Ahmad, “*Business Ethics In Islam: The Glaring Gap In Practice*,” International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management 2, No. 4 (2009), 278-288.

terhadap apa yang berlaku di timur tengah dan pastinya berbeza dengan apa yang ingin dikaji oleh penulis. Beliau menyatakan antara faktor yang mempengaruhi nilai dan etika usahawan ialah perundangan, organisasi, individu, perkembangan moral, sosial, persekitaran dan pengurusan. Kajian turut memberikan sebab runtuhnya nilai dan etika usahawan muslim adalah disebabkan oleh kurangnya sifat integriti, penipuan, penyelewengan, pengaruh rakan-rakan dan desakan hidup.

Penulis turut melihat kepada hasil tulisan Wan Norhasniah Wan Husin (2012) bertajuk *Work Ethics from Islamic Perspective in Malaysia*.<sup>28</sup> Artikel ini menyentuh tentang etika kerja secara umum dengan menerangkan sedikit tentang etika kerja yang diamalkan di Barat dan Islam. Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan dan analisis teks berdasarkan realiti etika kerja yang berlaku di Malaysia. Turut dibincangkan ialah mengenai konsep etika kerja meliputi pengertian, sumber, contoh-contoh yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta prinsip-prinsip etika kerja dalam sesebuah organisasi. Wan Hasniah turut menerangkan kaitan di antara etika kerja dalam Islam dengan pelaksanaannya dalam organisasi. Beliau melihat etika kerja yang diajarkan oleh Islam bukan sahaja bagi tujuan organisasi semata-mata tetapi turut memainkan peranan sebagai satu ibadah dan cara untuk mendekatkan diri kepada Allah sebagai matlamat utama. Walau bagaimanapun, ia perlu kepada kajian lapangan untuk membuktikan teori-teori yang dinyatakan di dalam kajian ini.

---

<sup>28</sup> Wan Hasniah Wan Husin, "Work Ethics from Islamic Perspective in Malaysia," *European Journal of Social Sciences* 29, No. 1 (2012), 51-60.



### 1.6.3 Latihan Ilmiah

Penulis merujuk kepada latihan ilmiah Nabilah Hanis (2011) berkaitan etika perniagaan menurut perspektif ekonomi Islam.<sup>29</sup> Kajian ini melihat tentang etika perniagaan dalam ekonomi Islam. Turut dibincangkan adalah berkaitan teori-teori dan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran yang berkaitan dengan perniagaan. Kajian yang dilakukan adalah lebih berbentuk kajian perpustakaan yang kurang melihat kepada realiti etika semasa yang diamalkan oleh peniaga atau usahawan muslim pada waktu sekarang. Kajian ini hanya sesuai untuk dijadikan tempat bagi merujuk perkataan-perkataan dan nilai-nilai serta dalil-dalil yang dinyatakan oleh Al-Quran berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan.

Latihan ilmiah tulisan Ahmad Tarmizi (2000), *Kementerian Pembangunan Usahawan: Peranannya dalam Membangunkan Usahawan Di Kalangan Siswazah Muslim*.<sup>30</sup> Kajian ini menyentuh tentang peranan kerajaan dalam membangunkan usahawan-usahawan muslim yang terdiri daripada para siswazah. Penulisan ini menerangkan secara ringkas sahaja berkaitan etika-etika yang patut ada dalam diri setiap usahawan muslim. Turut dimuatkan adalah berkaitan etika dan nilai keusahawanan yang terdapat dalam Islam. Faktor-faktor kemerosotan dan kurangnya usahawan Melayu turut dibincangkan dalam latihan ilmiah ini. Kajian ini tidak difokuskan kepada institusi-institusi tertentu sepertimana yang akan dikaji oleh penulis.

---

<sup>29</sup> Nabilah Hanis, *Etika Perniagaan Menurut Perspektif Ekonomi Islam*, (Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011).

<sup>30</sup> Ahmad Tarmizi Zakaria, *Kementerian Pembangunan Usahawan: Peranannya dalam Membangunkan Usahawan Di Kalangan Siswazah Muslim*, (Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2000).

#### 1.6.4 Disertasi

Kajian Nurul Azzah (2002) menyentuh mengenai nilai dan etika secara terperinci di dalam kajiannya *Nilai Dan Etika Dalam Pengurusan Islam*.<sup>31</sup> Disertasi ini mengkaji kepentingan nilai dan etika kepada organisasi termasuklah pembangunan sahsiah, peningkatan prestasi organisasi dan kesannya kepada masyarakat. Kajian ini tidak tertumpu kepada mana-mana sektor tertentu dan lebih kepada kajian perpustakaan sahaja. Kaedah dokumentasi yang dilakukan adalah bersifat penjelasan dan huraian terhadap teori-teori sedia ada dengan merujuk kepada bahan-bahan perpustakaan. Teori yang dikemukakan dalam kajian ini perlu kepada pembuktian di mana penulis cuba untuk melihat teori yang telah dibincangkan dengan pengaplikasiannya di lapangan dengan melakukan kajian di JCorp.

Penulis merujuk kepada kajian Mohd Nazim bin Latif (2007), *Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam: Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*.<sup>32</sup> Beliau melihat bagaimana pelaksanaan dan strategi penerapan nilai dan etika Islam di Bahagian Khidmat Pengurusan. Beliau mendapati lebih daripada separuh kakitangan awam tidak memahami berkenaan nilai dan etika kerja dalam Islam walaupun majoriti pekerja di sana terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Walau bagaimanapun peraturan yang ditetapkan dapat dipatuhi dengan baik di mana sebahagiannya dibentuk berdasarkan kepada konsep Islam. Kajian ini memberikan fokus kepada sektor awam di mana penulis pula akan memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan etika kerja Islam di sebuah badan korporat.

---

<sup>31</sup> Nor `Azzah Kamri, *Nilai dan etika dalam pengurusan Islam*. (Kuala Lumpur: Disertasi, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2002).

<sup>32</sup> Mohd Nazim bin Latif, *Keberkesanan Penerapan Nilai dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam: Kajian di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*. (Kuala Lumpur: Disertasi, Bahagian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007).

### **1.6.5 Tesis**

Penulis merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Wan Sabri (2001) berkaitan dengan *Nilai Dan Etika Perniagaan Dalam Masyarakat Malaysia*.<sup>33</sup> Kajian ini merangkumi segenap aspek dengan mengkaji nilai dan etika perniagaan dari sudut definisi, pengimplemantasian nilai dan etika, dan bagaimana ia perlu diterapkan dalam diri seorang usahawan. Kajian yang dilakukan turut menyentuh berkaitan dengan konsep yang dibawakan oleh Islam. Beliau turut melakukan kajian yang mendalam berkaitan dengan usahawan dan peniaga serta mempunyai jumlah responden yang ramai. Turut dimasukkan di dalam kajian ini ialah sebab dan akibat sekiranya usahawan itu mengabaikan prinsip nilai dan etika dalam perniagaan mereka. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang agak lama dilakukan namun teori-teori dan pandangan yang diutarakan oleh beliau masih boleh digunakan dalam mencari kolaborasi dan titik persilangan di antara nilai dan etika serta kaitannya dengan usahawan.

## **1.8 SUSUNAN PENULISAN**

### **1.8.1 BAB 1**

Bab ini menerangkan berkaitan dengan cadangan penyelidikan, latar belakang masalah kajian, kepentingan kajian, objektif yang ingin dicapai, ulasan kajian-kajian lepas dan perancangan masa yang bakal digunakan penulis dalam menyiapkan kajian ini.

### **1.8.2 BAB 2**

Bab ini menerangkan berkaitan pengenalan, konsep etika kerja iaitu definisi menurut perspektif Islam dan Barat. Sumber etika iaitu daripada Al-Quran dan As Sunah

---

<sup>33</sup> Wan Sabri Wan Hussin, *Nilai dan Etika Islam Dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia*. (Kuala Lumpur: Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 2001).

serta juga dari pemikiran manusia berasaskan ilmu yang adil dan benar. Prinsip etika kerja Islam dalam pentadbiran sebagaimana yang diamalkan oleh al-Khulafa al-Rasyidin turut diterangkan. Penulis turut membawakan perbandingan antara organisasi yang beretika dengan organisasi yang kurang beretika serta kesimpulan bab dua.

### **1.8.3 BAB 3**

Bab tiga akan menerangkan berkaitan metodologi yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini. Penerangan metodologi ini penting bagi memastikan pengkaji mempunyai garis panduan yang tepat dalam melaksanakan kajian dan dapat menghasilkan penemuan yang berauthoriti, boleh dipercayai dan mampu dibuktikan. Penulis turut menyatakan berkaitan proses triangulasi serta kesimpulan berkenaan bab tiga.

### **1.8.4 BAB 4**

Merupakan tahap kemuncak perbincangan kepada perbincangan keseluruhannya iaitu kajian kes berkaitan *Pelaksanaan Amalan Etika Kerja Islam Di Johor Corporation (JCorp)*. Pada penjelasan awal dalam bab ini penulis menerangkan mengenai tentang latar belakang lokasi kajian iaitu Bahagian Sumber Manusia dan pentadbiran JCorp. Antara perkara yang dinyatakan ialah pengenalan JCorp dan Bahagian Sumber Manusia. Maklumat korporat pula meliputi sejarah penubuhan, wawasan, misi, objektif, fungsi, matlamat dan struktur organisasi JCorp.

Selain itu juga kajian terhadap penerapan etika kerja Islam di JCorp dan strategi pelaksanaan proses penerapan nilai dan etika kerja Islam di ibu pejabat JCorp oleh pihak JCorp. Penulis turut menjelaskan peranan pentadbiran JCorp dalam membentuk perubahan, penerapan, pelaksanaan dan pemantauan nilai dan etika kerja Islam merangkumi contoh-contoh pelaksanaan, pendekatan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JCorp dalam

membentuk persekitaran kerja yang mengamalkan etika kerja Islam yang bermutu dan cemerlang.

## **1.8.5 BAB 5**

Bab 5 terdiri daripada kesimpulan keseluruhan dan cadangan iaitu merangkumi pengenalan, hasil dapatan kajian, rumusan keseluruhan, masalah yang dihadapi oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, kejayaan Pengurusan Johor Corporation, cadangan dan penutup.

## **1.9 PENUTUP**

Pelaksanaan penerapan etika kerja Islam dalam organisasi merupakan satu amalan yang baik dalam pengurusan dan pentadbiran bagi sesebuah pertubuhan, institusi, atau sektor pekerjaan di Malaysia. Pelaksanaan penerapan nilai dan etika kerja Islam ini juga tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam memandangkan ianya adalah suatu perkara yang membawa kepada kebaikan dan menolak kemudaratan.<sup>34</sup>

Kajian seperti ini penting dalam mencari kunci kepada kejayaan sesebuah organisasi dalam menguruskan pentadbiran mereka sehingga mampu untuk mencapai satu tahap yang membanggakan. Pembangunan usahawan-usahawan Melayu dapat dipupuk sekiranya kita dapat mengambil cara dan pendekatan yang diamalkan oleh JCorp dalam organisasi mereka.

Jika diperhatikan daripada pelaksanaan pengurusan pentadbiran dari segi penerapan nilai dan etika kerja sekarang kebanyakannya adalah bersumberkan Barat dan Jepun, tetapi hal ini bukanlah bermakna sistem yang mereka perkenalkan salah serta kita perlulah menilai

---

<sup>34</sup>Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam*. Terj. Abd Rashid Ngah, Jusoh Kadir. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 304-306.

dengan terperinci setiap kaedah pengurusan dan pentadbiran organisasi yang diperkenalkan agar tidak berlaku pertentangan dengan Islam. Hal ini kerana pelaksanaan pentadbiran dan penerapan nilai dan etika kerja yang berkesan dan baik akan dapat membentuk perubahan tingkah laku dan kehidupan masyarakat seluruhnya ke arah kemajuan dan kemakmuran. Hal ini juga kerana wujudnya pelbagai perkara dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah, gejala tidak sihat atau krisis sosial. Oleh sebab itu dengan adanya kajian-kajian yang seperti ini dalam membahaskan sesuatu perkara menurut perspektif Islam, secara tidak langsung akan menjamin pembentukan penerapan nilai dan etika kerja ke arah yang lebih baik serta bagi kemajuan dan pembangunan ummah seluruhnya.

Penulis berharap dengan kelulusan proposal kajian ini dapat kita melihat percambahan ilmu dalam bidang-bidang pengajian Islam yang kurang diterokai oleh generasi kini di mana mereka lebih mementingkan sains dan teknologi. Diharapkan disertasi ini dapat memberikan sumbangan kepada semua pihak terutamanya pelajar, usahawan Melayu dan pengurus organisasi dalam menambahkan pengetahuan mereka.